

13/01/2003

Lebih ramai ahli JI ditahan ISA

KAMPAR: Lebih ramai lagi anggota kumpulan Jemaah Islamiah (JI) akan ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam tempoh terdekat

ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa sudah mengenal pasti mereka yang terbabit dengan gerakan itu.

"Kita tahu gerak geri mereka dan siapa mereka dan bila tiba masanya kita

akan tahan mereka. Ya, kita mungkin menahan lebih ramai lagi ahli kumpulan

itu," katanya kepada pemberita ketika ditanya kemungkinan polis akan menahan lebih ramai anggota JI.

Kelmarin, dua lagi anggota kumpulan itu ditahan polis mengikut ISA di Sandakan, Sabah.

Akhbar memetik sumber Bukit Aman sebagai berkata, kedua-dua lelaki dalam lingkungan 30-an dan 40-an itu yang bekerja sebagai guru agama, ditahan di rumah mereka.

Disember lalu, dua anggota JI yang juga guru agama, turut ditahan di daerah yang sama.

Kedua-duanya dikatakan menjadi `orang tengah' yang menyediakan penginapan dan pengangkutan kepada anggota JI yang mahu ke Selatan Filipina melalui jalan laut untuk mengikuti latihan perang ala gerila.